

Headline	Pelaburan ekuiti TH kekal teguh		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	01 Oct 2019	Color	Full Color
Section	Bisnes	Circulation	140,000
Page No	40	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	294 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,233
Frequency	Daily	PR Value	RM 18,698



# Pelaburan ekuiti TH kekal teguh

**Peningkatan nilai ekuiti domestik sebanyak RM1.12 bilion**

**L**embaga Tabung Haji (TH) terus mengambil peluang melabur dalam pasaran ekuiti domestik bagi mengukuhkan portfolio pelaburannya dan tidak pernah melepaskan pegangan ekuiti berjumlah RM2.6 bilion sejak tiga bulan lalu.

TH berkata, sepanjang tahun 2019, nilai ekuiti domestik TH telah meningkat sebanyak RM1.12 bilion daripada RM6.36 bilion pada penghujung 2018, kepada RM7.48 bilion setakat 27 September 2019.

Menurut TH, pelaburan mereka kini tertumpu kepada syarikat-syarikat utama Bursa Malaysia yang



**TH terus mengambil peluang untuk melabur dalam pasaran ekuiti domestik bagi mengukuhkan portfolio pelaburannya.**

mempunyai prestasi kewangan dan rekod dividen yang baik, menjana pendapatan stabil serta patuh syariah, termasuk Tenaga Nasional Berhad (TNB) yang merupakan di antara pegangan terbesar dalam portfolio TH.

“Secara keseluruhan-

nya pegangan TH dalam TNB telah bertambah sebanyak RM304 juta semenjak 18 bulan lalu.

“Bagi tahun 2019, TH tidak memiliki mahupun melupakan pegangan saham dalam syarikat-syarikat seperti FGV Holdings Berhad, Lion Industries

Corporation Berhad, T7 Global Berhad, Shin Yang Shipping Corporation, Brahim’s Holdings Berhad dan Cheetah Holdings Berhad seperti yang dilaporkan di media massa baru-baru ini,” kata TH dalam satu kenyataan akhbar.

Selain daripada ekuiti, TH kini giat dalam mencari peluang pelaburan dalam semua kelas aset seperti hartanah dan instrumen kewangan berpendapatan tetap seperti sukuk.

“TH sentiasa mengutamakan kepentingan para pendeposit dan melabur secara berhemah selaras dengan strategi alokasi aset yang mengutamakan pendapatan mampan buat jangka masa panjang dengan mengambil kira risiko bersesuaian.

“TH akan terus mengekalkan tahap tadbir urus tinggi dalam mentadbir dana yang diamanahkan kepadanya,” kata TH.